

Dijangka dapat sambutan walaupun ekonomi tidak menentu

Projek Hua Yang RM745j

Oleh SARAH NADLIN ROHIM
sarah.rohim@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 24 Mei – Hua Yang Bhd. (Hua Yang), syarikat pemaju hartanah akan membangunkan dua projek dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM745 juta pada tahun ini walaupun berhadapan dengan situasi ekonomi mencabar.

Ketua Pegawai Operasinya, Ho Wen Yan berkata, projek pembangunan itu adalah di Sungai Besi, Kuala Lumpur dan Seremban, Negeri Sembilan.

“Projek kami di Sungai Besi akan melibatkan pembangunan campuran seperti perumahan, komersial dan peruncitan dengan GDV sebanyak RM700 juta.

“Manakala projek pembangunan di Seremban adalah bagi perumahan dan ke-

Projek kami di Sungai Besi akan melibatkan pembangunan campuran seperti perumahan, komersial dan peruncitan dengan GDV sebanyak RM700 juta

- HO WEN YAN

Ketua Pegawai Operasi
Hua Yang Bhd.

diaman dalam ladang dengan GDV RM45 juta,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Tambah Wen Yan, kedua-dua projek itu dijangka dilaksanakan pada suku keempat tahun ini, tetapi bagi projek di Sungai Besi akan digerakkan lebih awal lagi.

Wen Yan berkata, Hua Yang yakin projek yang dijalankan itu akan mendapat sambutan walaupun keadaan ekonomi tidak menentu kerana ini merupakan peluang terbaik untuk orang ramai melabur dalam projek hartanah.

“Langkah yang dilakukan Bank Negara Malaysia (BNM) dengan mengurangkan kadar dasar semalaman (OPR) membantu mengurangkan kos pinjaman dan menggalakkan permintaan domestik.

“Oleh itu, ia bertepatan dengan mereka yang masih mencari rumah pertama seperti profesional muda,” katanya.

Selain itu, pihak bank juga memberi tempoh yang panjang untuk membayar

balik pinjaman dan pembeli juga mempunyai pelbagai pilihan untuk memiliki hartanah sendiri, katanya.

Ketika ditanya mengenai prestasi jualan Hua Yang pada masa ini, Wen Yan berkata, secara keseluruhan jualan adalah menggalakkan.

“Kini jualan kami menyumbang kepada perolehan syarikat adalah sebanyak RM73.927 juta berbanding RM36.386 juta untuk tempoh sama sebelumnya.

“Pada masa hadapan, kami percaya pasaran mampu milik masih boleh bertahan dan jualan tidak terjejas, namun Hua Yang akan memantau situasi semasa dengan lebih dekat,” katanya.

Pada masa hadapan Hua Yang akan memberi tumpuan kepada pembinaan rumah, perbandaran, pembangunan komersial, pembangunan campuran dan kilang, jelasnya.